



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL
BUKU DAN SEMARAK JAWI 2026**

26 JULAI 2026 (AHAD)

10.00 PAGI

**DEWAN ILMUWAN
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
TERENGGANU (PPAT)**

Assalamualaikum, Salam sejahtera,

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih kepada saudara/saudari pengacara majlis

SALUTASI

****Salutati terkini disediakan secara berasingan***

PENGENALAN

1. Bersyukur kita kepada Allah SWT kerana pada hari ini kita dapat bersama-sama berhimpun di Dewan Ilmuwan, Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) **sempena Majlis Perasmian Karnival Buku & Semarak Jawi 2026.**
2. Saya berasa amat berbesar hati dapat berada di bumi Darul Iman, sebuah negeri yang kaya dengan sejarah, tradisi ilmu, kesusasteraan dan warisan budaya yang cukup bernilai. Terengganu bukan sahaja dikenali dengan keindahan alam dan keramahan masyarakatnya, malah turut mempunyai akar tradisi keilmuan yang kuat, seiring dengan hasrat kita untuk terus menyemarakkan budaya membaca, menghargai warisan dan memperkukuh perpaduan negara.

BUDAYA MEMBACA SEBAGAI TERAS PEMBINAAN NEGARA BANGSA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Karnival Buku & Semarak Jawi 2026 yang berlangsung selama lapan hari, bermula 25 Julai hingga 1 Ogos 2026, ini mensasarkan kehadiran seramai 50,000 pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat. Penganjuran ini bukan sekadar sebuah pesta jualan buku, sebaliknya merupakan satu platform komuniti yang menghimpunkan ilmu, budaya, seni, warisan, pendidikan dan khidmat masyarakat dalam satu ruang yang terbuka, santai dan inklusif.
4. Konsep karnival buku yang diketengahkan amat signifikan kerana kita mahu membawa buku dan ilmu keluar daripada ruang yang dianggap formal atau eksklusif. Buku tidak harus dilihat sebagai bahan yang eksklusif atau terbatas kepada ruang formal semata-mata; sebaliknya buku perlu hadir dalam kehidupan seharian, sama ada di rumah, sekolah, perpustakaan, kafe, ruang awam mahupun platform digital.

5. Pengisian program pada kali ini disusun dengan pendekatan yang luas dan merentas minat. Pameran dan jualan buku, sesi bersama penulis, Bacaan Kegemaran Saya, forum “Layar vs Lembaran: Evolusi Membaca Generasi Digital” dan sebagainya merupakan antara usaha yang boleh menjadikan buku lebih dekat, hidup dan bermakna kepada masyarakat.
6. Saya juga amat menghargai penglibatan penerbit, penjual buku, penulis dan penggiat industri perbukuan dalam program ini. Industri perbukuan yang sihat akan melahirkan lebih banyak karya bermutu, memperluas pasaran penulis tempatan dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi kreatif negara.

MEMARTABATKAN TULISAN JAWI SEBAGAI WARISAN BANGSA

Sidang hadirin sekalian,

7. Salah satu tonggak utama penganjuran pada hari ini ialah Karnival Semarak Jawi 2026 yang bukan sahaja menjadi platform untuk menyemarakkan kecintaan terhadap ilmu, malah turut berperanan mengangkat martabat tulisan Jawi sebagai warisan bangsa dan khazanah tamadun yang amat bernilai. Tulisan Jawi merupakan khazanah peradaban

yang sangat penting dalam sejarah negara malah menjadi medium penting dalam penyebaran ilmu, pentadbiran, persuratan dan perkembangan tamadun Melayu sejak sekian lama. Justeru, menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan warisan ini terus dipelihara, dipelajari dan diwariskan kepada generasi akan datang.

8. Untuk makluman semua, Karnival Semarak Jawi merupakan program *signature* PNM yang telah dilaksanakan sejak tahun 2011. Penganjuran di Terengganu pada tahun ini merupakan edisi kali ke-11, sekali gus membuktikan komitmen berterusan PNM dalam memastikan tulisan Jawi terus dipelihara, dipelajari, dimasyarakatkan dan disesuaikan dengan pendekatan pendidikan semasa. Pada masa yang sama, penganjuran Karnival Buku & Semarak Jawi 2026 ini turut menyediakan ruang kepada masyarakat untuk mendapatkan bahan bacaan berkualiti, menambah koleksi bacaan serta memupuk budaya membaca dalam kalangan anak-anak, keluarga dan komuniti setempat.
9. Saya amat tertarik dengan pendekatan didik hibur yang digunakan dalam Karnival Semarak Jawi kali ini. Aktiviti seperti Si Cilik Cerdas Jawi, Bengkel Klinik Dr. Jawi, Pencak Aksara Jawi, *Kahoot Jawi Challenge*, pertandingan mewarna Jawi serta pameran khat bukan sahaja membina

kemahiran, malah menjadikan pembelajaran Jawi lebih menyeronokkan, interaktif dan mesra semua peringkat usia.

10. Di Terengganu, usaha memartabatkan Jawi dan ilmu mempunyai makna yang sangat besar. Negeri ini memiliki sejarah keilmuan yang hebat, termasuk ketokohan ulama seperti Tok Pulau Manis yang turut diketengahkan melalui wacana khas dalam program ini. Ini membuktikan bahawa warisan bukan sesuatu yang jauh daripada kehidupan kita, sebaliknya harus terus dihidupkan melalui ilmu, penceritaan, pendokumentasian dan penghayatan generasi muda.

PENUTUP

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

11. Sehubungan itu, saya menyeru dan menjemput seluruh warga Terengganu, ibu bapa, guru, pelajar, belia, penjawat awam, komuniti setempat serta pengunjung dari negeri-negeri sekitar untuk hadir beramai-ramai ke Karnival Buku & Semarak Jawi 2026. Marilah kita bersama-sama memanfaatkan ruang ini untuk mendapatkan bahan bacaan berkualiti, menyertai pelbagai aktiviti yang disediakan, menyemarakkan budaya membaca, mempelajari tulisan

Jawi serta meraikan kepelbagaian budaya dan warisan negara dalam semangat perpaduan.

12. Saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) atas komitmen tinggi dalam merealisasikan penganjuran program berskala besar ini. Penghargaan juga saya tujukan kepada Kerajaan Negeri Terengganu, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT), Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT), Syarikat Muda Osman Bookstore (SMO), penerbit-penerbit buku, badan bukan kerajaan, penggiat seni dan budaya, serta semua rakan strategik yang telah bersama-sama menjayakan program ini.
13. Sebelum berpisah, izinkan saya berkongsi serangkap pantun :

*Kain tenun coraknya indah,
Tersarung anggun si puteri desa,
Buku dan Jawi menjadi wadah,
Menyubur ilmu, memperkasa bangsa.*

Maka dengan sukacitanya saya merasmikan **Karnival Buku & Semarak Jawi 2026**.

Sekian, terima kasih.